

Abd Razak
Hussin

Menyubur semangat kecemerlangan awam

Dua bulan lalu saya berkunjung ke Jakarta dengan beberapa sahabat. Sekitar jam 8 malam kami tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno Hatta. Seperti penerimaan ramai, Jakarta adalah kota metropolitan yang sibuk, dipenuhi manusia termasuk di lapangan terbangnya. Beratur panjang untuk urusan imigresen sudah dijangka berasaskan pengalaman masa lalu.

Sementara menunggu teman menguruskan bagasi, saya duduk di kerusi panjang di tempat laluan penumpang. Seorang lelaki muda mendukung anaknya berusia kira-kira dua tahun duduk di kerusi berhampiran. Daripada sapaan ringkas dan mesra, jelas menunjukkan beliau rakyat Indonesia. Jelas, beliau sangat meraikan kunjungan saya dan teman dari Malaysia. Katanya, ramai ahli keluarga dan temannya bekerja mencari rezeki di Malaysia.

Setelah semua memperoleh bagasi masing-masing, kami terus bergerak ke bas mini yang disewa di luar bangunan. Ketika dalam kenderaan yang belum bergerak, saya mulai menyedari, telefon bimbit saya tidak berada dalam poket seluar. Beg pakaian saya selongkar dengan andaian saya meletakkannya di situ. Ternyata tidak ada.

Saya bergegas menjejaki tempat yang saya lalu sebelum ini termasuk kerusi yang saya duduki serta mengandaikan telefon bimbit itu tercicir dimana-mana. Dengan cemas, saya menemui staf keselamatan lapangan terbang dan menceritakan permasalahan yang sedang dihadapi. Saya percaya, semua orang berasa cemas dan gelisah dengan kehilangan telefon sehinggalah orang mengatakan biar hilang wang jangan hilang telefon. Ini kerana dalam telefon itulah tersimpannya banyak maklumat yang penting kepada kita.

Saya didatangi seorang pegawai keselamatan bernama Kurniawan menyantuni permasalahan saya dan meminta beberapa maklumat berkaitan telefon bimbit yang hilang dan maklumat peribadi. Amat dapat dirasakan kesungguhannya untuk membantu dan akan menghubungi saya apabila ada perkembangan. Saya sangat kesal dengan peristiwa itu kerana menyebabkan ahli rombongan terpaksa menunggu lama untuk ke hotel.

Dalam perjalanan, teman memberi kata-kata semangat di atas musibah yang berlaku. Saya juga terfikir, betapa gelisahnya manusia dengan ujian sekecil itu. Saya anggap ini ujian Allah dan akhirnya memujuk diri, jangan terlalu berharap. Kalau beg

pakaian yang hilang, berkemungkinan besar akan ditemui semula tetapi ini telefon bimbit, apatah lagi masih dalam keadaan baru. Walau bagaimanapun saya terus berdoa kerana yakin Allah boleh menjadikan apa saja. Banyak sekali pengajaran disebalik kekesalan dalam kalbu.

Setelah masuk ke bilik, saya masih memikir dan mengundurkan ingatan untuk mengesan di mana kali terakhir saya menggunakan telefon itu. Saya amat yakin, kali terakhir saya memegang telefon itu adalah semasa saya duduk di kerusi menunggu sambil bersembang dengan seorang bapa muda. Akhirnya saya terlena juga menjelang dinihari, walaupun awalnya begitu sukar meletakkan mata disebabkan kerisauan yang berat.

Kira-kira jam 3 pagi keesokan harinya, telefon bilik saya berdering dan staf hotel memaklumkan ada panggilan dari lapangan terbang. Rupa-rupanya Kurniawan pegawai keselamatan lapangan terbang di hujung talian. Sekali lagi beliau bertanya keadaan telefon saya yang hilang. Saya memaklumkan apa saja mengenai kedaan fizikal telefon saya dan apa yang ada dalam poket pembalut telefon berwarna hitam itu. Akhirnya beliau mengatakan:

"Alhamdulillah, telefon bapak sudah ditemui. Nanti jam 9 pagi saya hantar telefon bapak ke hotel."

Saya mengucapkan 'Subhanallah' dan sujud syukur atas satu perkara yang saya anggap keajaiban. Allah memakbulkan doa saya. Sebenarnya memang tidak saya jangka saya akan memperoleh semula telefon tersebut.

Seperti dijanjikan pada jam 9 pagi Kurniawan muncul di lobi hotel. Dia dengan gembira menyerahkan telefon kepada saya. Tentunya dengan mata berkaca saya menerimanya yang saya sendiri tidak meyakini akan

Kalaulah konsep tanggungjawab, amanah, dedikasi dan kasihkan negara dapat dijadikan asas pegangan penjawat awam di Malaysia, tentu imej pentadbiran awam akan melonjak tinggi, dihormati dan diyakini masyarakat. Dengan kecanggihan teknologi juga, sesuatu tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna.

kembali. Sungguh suatu keajaiban atas kebesaran Allah. Saya bertanya kepadanya bagaimana ini boleh berlaku?

Di restoran hotel, Kurniawan mengatakan segalanya harus bermula daripada hati petugas bandara (lapangan terbang). Saya mendengarnya dengan teliti. Katanya, apabila seseorang bekerja dengan premis tanggungjawab, maka orang itu akan melaksanakannya dengan penuh kesungguhan. Hanya dengan kesungguhan, tanggungjawab menjadi amanah. Apabila amanah menjadi pegangan karyawan, dia akan melakukan apa saja bagi memenuhi tuntutan pekerjaan.

"Sebagai karyawan di bandara, kami sering diperingatkan bahawa kamilah orang pertama yang ditemui penumpang pesawat, sama ada penumpang lokal mahupun antarabangsa. Bapak adalah penumpang antarabangsa sekali gus tetamu kami. Makanya bapak adalah tetamu negara kami, harus dijaga keselamatan dan kebajikannya."

Kata-kata Kurniawan sangat menusuk jiwa penjawat awam saya. Kalaulah konsep tanggungjawab, amanah, dedikasi dan kasihkan negara dapat dijadikan asas pegangan penjawat awam di Malaysia, tentu imej pentadbiran awam akan melonjak tinggi, dihormati dan diyakini

masyarakat. Dengan kecanggihan teknologi juga, sesuatu tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Demikian, perkhidmatan di Lapangan Terbang Soekarno Hatta menggunakan teknologi CCTV untuk mengesan orang yang mengambil telefon saya di kerusi menunggu itu. Lebih mengagumkan saya, keselamatan lapangan terbang boleh mengesan sehingga ke rumah orang berkenaan dan memastikan orang itu mengembalikan telefon tersebut pada jam 2.30 pagi. Pada jam 3 pagi Kurniawan pula menghubungi saya dengan berita yang menggembirakan itu.

Mengungkap kata-kata Kurniawan, saya membayangkan kalaulah kesedaran bahawa setiap yang datang mendapatkan perkhidmatan daripada penjawat awam di Malaysia dianggap sebagai tetamu organisasi dan jabatan tempat mereka bekerja, tentunya perkhidmatan awam dapat memaparkan ciri kecemerlangan yang sangat disanjung dan dihormati masyarakat. Kurniawan benar-benar menjadi inspirasi kepada saya untuk menyuburkan gesaan kecemerlangan sekurang-kurangnya buat warga universiti saya.

**Penulis Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

